

21/04/1999

MHEA desak Nato lancar serangan darat

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pergerakan Pemuda Umno (MHEA) meminta Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato) melancarkan serangan darat terhadap tentera Serbia.

Timbalan Pengerusi MHEA, Dr Shamsul Anwar Sulaiman, berkata oleh kerana serangan udara Nato terhadap Serbia tidak memberikan apa-apa kesan positif, serangan darat diharap dapat menyekat tindakan kejam tentera Serb.

"Serangan udara dan darat penting bagi menyekat penghapusan etnik Albania secara berleluasa berdasarkan kekejaman serta tindakan mengusir etnik berkenaan yang semakin meningkat setiap hari," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut mengesa Nato supaya menghantar tentera darat ke negara itu kerana percaya serangan udara tidak mampu menghentikan kezaliman tentera Serb ke atas etnik Albania.

Dr Mahathir, berkata Malaysia bersedia menghulurkan sebarang bentuk bantuan sekiranya diperlukan untuk melindungi etnik Albania di Yugoslavia.

Bagaimanapun, beliau berkata, negara hanya dapat menghulurkan bantuan setakat yang mampu kerana mempunyai bekalan senjata canggih yang terhad.

Dr Shamsul Anwar, Nato sepatutnya bertindak lebih serius menangani masalah di Kosovo seperti serangan yang dibuat ke atas Iraq semasa Perang Teluk.

Beliau berkata, MHEA turut mengecam sekeras-kerasnya tindakan penghapusan etnik Albania di Kosovo oleh puak Serbia dan menganggap tindakan itu melanggar hak asasi manusia.

Menurutnya, kami turut sedih dengan kehilangan nyawa orang awam akibat tindakan ganas tentera Serbia.

(END)